

PERATURAN PEMARKAHAN

EKONOMI TINGKATAN 5 MODUL AMANJAYA SPM 2018 KERTAS 2

TAJUK : 5.0 MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL
STANDARD KANDUNGAN: 5.3 Alat Dasar Ekonomi

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan.

ALAT DASAR EKONOMI

SOALAN STRUKTUR

1.a) Maklumat di bawah menunjukkan dua jenis cukai.

Cukai A	Cukai B
- cukai pintu - duti setem - Cukai pendapatan individu	- Duti eksais - Duti import - Cukai barang dan perkhidmatan

- i) Nyatakan jenis cukai A dan B. (2 markah)
Cukai langsung – Cukai A
Cukai tak langsung – cukai B

- ii) Bandingkan jenis cukai A dan B (5 markah)
Persamaan
Kedua-duanya adalah sumber hasil kepada kerajaan

Perbezaan

- * Cukai A adalah cukai langsung manakala cukai B adalah cukai tidak langsung
- * Cukai A, beban cukainya tidak boleh dipindah kepada orang lain manakala cukai B, beban cukainya boleh dipindah kepada orang lain.

b) Huraikan kesan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan cukai pendapatan individu ke atas agihan pendapatan. (5 markah)

- Cukai barang dan perkhidmatan(GST) adalah cukai regresif.
- Golongan berpendapatan rendah menanggung beban cukai yang relative lebih tinggi berbanding golongan kaya
- Cukai ini meluaskan jurang perbezaan pendapatan Antara golongan kaya dan golongan miskin
- Cukai pendapatan individu merupakan cukai progresif
- Beban yang dikenakan ke atas golongan kaya adalah lebih tinggi daripada golongan miskin
- Cukai ini menyebabkan ketidaksetaraan pendapatan Antara golongan kaya dan golongan miskin dapat dikurangkan

c) Jadual di bawah ini menunjukkan hasil kerajaan persekutuan bagi tahun 2015.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Cukai pendapatan syarikat	63 679
Cukai pendapatan individu	26 321
Cukai pendapatan petroleum	11 559
Pendapatan pelaburan	32 838
Duti eksport	1 039
Duti Import	2 732
Cukai Barang dan perkhidmatan (GST)	27 012
Duit Eksais	11 890
Lesen dan Permit	12 540

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan cukai langsung? (2 markah)
Maksud- beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain. Contohnya cukai pintu.
- ii) Hitung cukai langsung (2 markah)
= RM63 679 juta + RM26 321 juta + RM11 559 juta
= RM101 559 juta
- iii) Hitung cukai tak langsung (2 markah)
= RM1 039 juta + RM2 732 juta + RM27 012 juta + RM11 890 juta
= RM42 673 juta
- iv) Hitung hasil bukan cukai (2 markah)
=RM32 838 juta + RM12 540 juta
=RM45 378 juta

2 a) Jadual di bawah menunjukkan anggaran perbelanjaan kerajaan persekutuan pada tahun 2017.

Item	RM juta
Sektor ekonomi	16 489
Emolumen	77 422
Perkhidmatan dan bekalan	32 020
Sektor keselamatan	24 615
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	103 850
Sektor pentadbiran am	11 288
Sektor sosial	85 976
Aset	691

- i) Nyatakan tiga perbelanjaan mengurus. (3 markah)
- Emolumen
 - Pemberian dan kenaikan bayaran tetap
 - Perkhidmatan dan bekalan
- ii) Hitungkan jumlah perbelanjaan pembangunan (3 markah)

= Sektor ekonomi + Sektor keselamatan + sektor pentadbiran am + sektor social
 = RM16 489 + RM24 615 + RM11 288 + RM85 976 juta
 = RM138 368 juta

iii) Jelaskan dua perbezaan antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan. (4 markah)

* Perbelanjaan mengurus adalah perbelanjaan semasa kerajaan manakala perbelanjaan pembangunan adalah perbelanjaan pelaburan kerajaan.
 * Contoh perbelanjaan mengurus ialah emolument manakala perbelanjaan pembangunan ialah sektor ekonomi.

b) Jelaskan kesan peningkatan kadar faedah terhadap objektif makroekonomi sesebuah Negara. (4 markah)

- i. Guna tenaga akan menurun disebabkan firma mengurangkan pekerja akibat kos pengeluaran meningkat.
- ii. Tingkat harga umum akan menurun disebabkan kuasa beli pengguna menurun
- iii. Pertumbuhan ekonomi menjadi lebih perlahan disebabkan kos pengeluaran meningkat. menyebabkan tingkat pengeluaran menurun, pendapatan Negara juga menurun
- iv. Aliran masuk wang ke dalam Negara berkurang disebabkan kurang peluang pelaburan dalam ekonomi

c) Bagaimanakah kenaikan nisbah rizab berkanun boleh mengurangkan tekanan inflasi? (4 markah)

- i. Bank perdagangan kurang mampu memberi pinjaman
- ii. Pinjaman di kalangan masyarakat menurun
- iii. Bekalan wang dalam ekonomi berkurang
- iv. Permintaan barang dan perkhidmatan berkurang menyebabkan tingkat harga umum menurun

d) Bagaimanakah Dasar Kewangan membantumengatasi keadaan ekonomi berikut
 i) Inflasi (5 markah)

A.Menggunakan Dasar Kewangan menguncup

- * penawaran wang berkurang, aktiviti pelaburan dalam ekonomi berkurang
- * Aktiviti pengeluaran barang dan perkhidmatan berkurang
- * Pertumbuhan ekonomi perlahan, firma perlu kurangkan pekerja
- * Pendapatan pengguna berkurang
- * kuasa beli menurun, tingkat harga menurun
- * inflasi terkawal

ii) Pengangguran (5 markah)

B Menggunakan Dasar kewangan mengembang

- Apabila penawaran wang dalam ekonomi meningkat, aktiviti pelaburan dalam ekonomi akan bertambah.
- Aktiviti pengeluaran barang dan perkhidmatan bertambah
- Firma perlu lebih banyak buruh untuk mengisi kekosongan dalam aktiviti pengeluaran
- Kadar pengangguran akan menurun dan pendapatan masyarakat meningkat
- Kuasa beli pengguna akan meningkat dan permintaan agregat akan meningkat.

3 a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu tindakan bank pusat.

Bank Negara Malaysia menurunkan nisbah rizab berkanun daripada 4.00% kepada 3.50% berkuat kuasa pada 1 Februari 2016

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan nisbah rizab berkanun? (2 markah)
Maksud- simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat berdasarkan jumlah deposit yang diterima.
- ii) Setujukah anda bahawa perubahan nisbah rizab berkanun tersebut
Adalah untuk mengatasi masalah inflasi? Beri alasan anda. (6 markah)

Tidak setuju

- Semasa inflasi penawaran wang terlalu banyak dalam ekonomi
- Jika kadar rizab berkanun menurun, tingkat harga umum akan terus naik
- Kos sara hidup masyarakat merosot
- Penurunan ini juga menyebabkan keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman bertambah
- Menyebabkan pertambahan pelaburan dan permintaan agregat
- Penawaran wang akan bertambah , guna tenaga bertambah, KDNK bertambah

b) Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah syarikat pengedar kereta

Syarikat Insan Pertiwi Sendirian Berhad merupakan pengedar kereta import dari Jerman. Syarikat ini juga mengedarkan kereta buatan Malaysia.

Jelaskan kesan cukai yang dikenakan atas kereta yang diedarkan oleh Syarikat Insan Pertiwi Sendirian Berhad. (4 markah)

- i. Cukai import iaitu cukai yang dikenakan ke atas barang import iaitu kereta
- ii. Cukai GST(cukai barang dan perkhidmatan) iaitu cukai atas penggunaan barang dan perkhidmatan atas kereta import
- iii. Duti eksais iaitu cukai atas keluaran tempatan yang dijual di pasaran tempatan contoh kereta MYVI
- iv. Cukai GST(cukai barang dan perkhidmatan) iaitu cukai atas penggunaan dan perkhidmatan atas kereta tempatan contoh MYVI

SOALAN ESEI

1a) Maklumat di bawah berkaitan dengan satu jenis perbelanjaan pembangunan kerajaan persekutuan.

Kerajaan telah meluluskan projek pembinaan Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang bakal menghubungkan ibu negeri dan negeri-negeri di Pantai Timur. Landasan ini sepanjang 688 kilometer dan kos pembinaannya adalah sebanyak RM55 bilion

Bagaimanakah pelaksanaan projek memberi kesan terhadap ekonomi negara? Beri huraian secara terperinci.

(12 markah)

Skema (1-4)

Maksud perbelanjaan pembangunan – merujuk kepada perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek pembangunan ekonomi Negara

Ada pelbagai sector –antaranya sector ekonomi iaitu perbelanjaan untuk menyediakan prasarana dan kemudahan awam bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan pendapatan Negara

Contoh di bidang perhubungan seperti pembinaan lebuh raya baharu

Skema (5-9 M)

Maksud perbelanjaan pembangunan – merujuk kepada perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek pembangunan ekonomi Negara

Ada pelbagai sector –antaranya sector ekonomi iaitu perbelanjaan untuk menyediakan prasarana dan kemudahan awam bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan pendapatan Negara

Contoh di bidang perhubungan seperti pembinaan lebuh raya baharu

Kesan positif

- Mengurangkan masa perjalanan berbanding dengan kenderaan darat lain
- Meningkatkan peluang perniagaan dan pendapatan masyarakat Pantai Timur
- Mengerakkan zon Ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dengan memudahkan pergerakan penumpang dan kargo
- Lebih banyak peluang perniagaan dan peluang pekerjaan dapat diwujudkan di wilayah tersebut
- Penghantaran kargo adalah lebih banyak menggunakan kere api berbanding menggunakan lori
- Penghantaran kargo akan meningkat dan aktiviti perniagaan akan berjalan lancar
- Penjimatan kos bahan api dan masa perjalanan oleh industry kapal laut yang menggunakan pelabuhan Klang dan Singapura
- Pengurangan kesesakan lalulintas ketika musim perayaan dan pengurangan kadar kemalangan
- Peningkatan kadar pendapatan rakyat Pantai Timur dan mengurangkan jurang pendapatan berbanding Pantai Barat.

Skema (10 -12M)

Maksud perbelanjaan pembangunan – merujuk kepada perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek pembangunan ekonomi Negara

Ada pelbagai sector –antaranya sector ekonomi iaitu perbelanjaan untuk menyediakan prasarana dan kemudahan awam bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan pendapatan Negara

Contoh di bidang perhubungan seperti pembinaan lebuh raya baharu

Kesan positif

- Mengurangkan masa perjalanan berbanding dengan kenderaan darat lain
- Meningkatkan peluang perniagaan dan pendapatan masyarakat Pantai Timur
- Mengerakkan zon Ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dengan memudahkan pergerakan penumpang dan kargo
- Lebih banyak peluang perniagaan dan peluang pekerjaan dapat diwujudkan di wilayah tersebut
- Penghantaran kargo adalah lebih banyak menggunakan kere api berbanding menggunakan lori
- Penghantaran kargo akan meningkat dan aktiviti perniagaan akan berjalan lancar
- Penjimatan kos bahan api dan masa perjalanan oleh industry kapal laut yang menggunakan pelabuhan Klang dan Singapura
- Pengurangan kesesakan lalulintas ketika musim perayaan dan pengurangan kadar kemalangan
- Peningkatan kadar pendapatan rakyat Pantai Timur dan mengurangkan jurang pendapatan berbanding Pantai Barat.

Kesan Negatif

- Meningkatkan pencemaran udara dan darat
- Memusnahkan ekosistem dan kawasan tadahan air

Cara Mengatasi

- Pemantauan dari Jabatan Alam Sekitar

1.b) Maklumat di bawah berkaitan dengan Pulau Bebas cukai di Malaysia

Pulau Bebas Cukai di Malaysia

Langkawi, Labuan dan Tioman diistiharkan sebagai Pulau Bebas Cukai di mana semua barang di pulau tersebut adalah bebas daripada cukai kecuali petroleum dan barang keluaran petroleum



Jelaskan kesan wujudnya Pulau Bebas Cukai di Malaysia.

(8 markah)

Skema (1-3M)

Tujuan Pulau Bebas Cukai(PBC)- satu usaha kerajaan untuk menggalakkan industri perdagangan dan pelancongan

Syarat- Pelawat tempatan dan asing yang datang atau balik dari PBC setelah berada di PBC Labuan tidak kurang dari 24 jam atau PBC Langkawi dan Tioman tidak kurang dari 48 jam adalah layak untuk menikmati pengecualian cukai di bawah butiran 19 perintah duti kastam 1988

Contoh barang-barang bebas cukai- semua barang contoh pinggan mangkuk kecuali petroleum dan barangan keluaran petroleum.

Skema (4-6M)

Tujuan Pulau Bebas Cukai(PBC)- satu usaha kerajaan untuk menggalakkan industry perdagangan dan pelancongan

Syarat- Pelawat tempatan dan asing yang datang atau balik dari PBC setelah berada di PBC Labuan tidak kurang dari 24 jam atau PBC Langkawi dan Tioman tidak kurang dari 48 jam adalah layak untuk menikmati pengecualian cukai di bawah butiran 19 perintah duti kastam 1988

Contoh barang-barang bebas cukai- semua barang contoh pinggan mangkuk kecuali petroleum dan barangan keluaran petroleum.

Kesan

- Peningkatan pelancong asing dan tempatan
- Peluang pekerjaan meningkat
- Pendapatan masyarakat meningkat
- Meningkatkan keyakinan pelabur asing
- Aliran wang masuk dalam Negara meningkat

Skema (7-8M)

Tujuan Pulau Bebas Cukai(PBC)- satu usaha kerajaan untuk menggalakkan industri perdagangan dan pelancongan

Syarat- Pelawat tempatan dan asing yang datang atau balik dari PBC setelah berada di PBC Labuan tidak kurang dari 24 jam atau PBC Langkawi dan Tioman tidak kurang dari 48 jam adalah layak untuk menikmati pengecualian cukai di bawah butiran 19 perintah duti kastam 1988

Contoh barang-barang bebas cukai- semua barang contoh pinggan mangkuk kecuali petroleum dan barangan keluaran petroleum.

Kesan positif

- Peningkatan pelancong asing dan tempatan
- Peluang pekerjaan meningkat
- Pendapatan masyarakat meningkat
- Meningkatkan keyakinan pelabur asing
- Aliran wang masuk dalam Negara meningkat
-

Kesan negative

- Kesesakan di pulau tersebut
- Mencemarkan alam sekitar

Langkah kerajaan

- Pemantauan oleh JAS

2.a) Maklumat di atas adalah berkaitan dengan jenis bantuan kerajaan di Malaysia

Pada 23 Oktober 2016, kerajaan telah meluluskan pemberian Bantuan Khas Awal Persekolahan 1 Malaysia (BKAPIM) sebanyak RM100 seorang kepada murid tahun 1 hingga Tingkatan 5 dalam kalangan isi rumah berpendapatan RM3 000 dan ke bawah semasa pembentangan Bajet tahun 2017

Jelaskan kesan dasar di atas terhadap isi rumah yang menerima bantuan tersebut.
(10 markah)

Skema (1-3M)

Sumber bantuan – perbelanjaan mengurus-pemberian semasa kerajaan yang bersifat berulang-ulang setiap tahun untuk membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi secara lancar dan berkesan

Kelayakan bantuan- setiap murid tidak perlu memohon sebaliknya akan layak secara automatic berdasarkan kriteria pendapatan kasar bulanan ibu bapa atau penjaga iaitu pendapatan kurang dari RM3000 ke bawah.

Kriteria bantuan- akan diberi kepada pelajar Tahun 1 hingga tingkatan 5 sekolah kerajaan (SK) dan sekolah bantuan kerajaan (SBK) seluruh negeri.

Skema (4-7M)

Sumber bantuan – perbelanjaan mengurus-pemberian semasa kerajaan yang bersifat berulang-ulang setiap tahun untuk membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi secara lancar dan berkesan

Kelayakan bantuan- setiap murid tidak perlu memohon sebaliknya akan layak secara automatic berdasarkan kriteria pendapatan kasar bulanan ibu bapa atau penjaga iaitu pendapatan kurang dari RM3000 ke bawah.

Kriteria bantuan- akan diberi kepada pelajar Tahun 1 hingga tingkatan 5 sekolah kerajaan (SK) dan sekolah bantuan kerajaan (SBK) seluruh negeri.

Kesan positif

- Perbelanjaan keluarga dijamin
- Boleh membeli barang lain
- Mengurangkan pinjaman/mengelakkan dari berhutang
- Tabungan meningkat

Skema (8-10M)

Sumber bantuan – perbelanjaan mengurus-pemberian semasa kerajaan yang bersifat berulang-ulang setiap tahun untuk membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi secara lancar dan berkesan

Kelayakan bantuan- setiap murid tidak perlu memohon sebaliknya akan layak secara automatic berdasarkan kriteria pendapatan kasar bulanan ibu bapa atau penjaga iaitu pendapatan kurang dari RM3000 ke bawah.

Kriteria bantuan- akan diberi kepada pelajar Tahun 1 hingga tingkatan 5 sekolah kerajaan (SK) dan sekolah bantuan kerajaan (SBK) seluruh negeri.

2. b) Kerajaan melaksanakan dasar belanjawan defisit untuk menyelesaikan masalah pengangguran.

Jelaskan. (10 markah)

Skema (1-4M)

Maksud Dasar Belanjawan Defisit- belanjawan berlaku apabila jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.

Maksud Pengangguran-satu keadaan apabila terdapat tenaga buruh yang sanggup bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan

Jenis pengangguran

- i. Pengangguran kitaran-wujud kerana kekurangan permintaan agregat semasa kemelesetan ekonomi
- ii. Pengangguran geseran-wujud apabila pekerja kurang mobility, kurang maklumat tentang peluang –peluang pekerjaan
- iii. Pengangguran berstruktur- wujud kerana perubahan pola atau struktur ekonomi.

Skema (5-7M)

Maksud Dasar Belanjawan Defisit- belanjawan berlaku apabila jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.

Maksud Pengangguran-satu keadaan apabila terdapat tenaga buruh yang sanggup bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan

Jenis pengangguran

- i. Pengangguran kitaran-wujud kerana kekurangan permintaan agregat semasa kemelesetan ekonomi
- ii. Pengangguran geseran-wujud apabila pekerja kurang mobility, kurang maklumat tentang peluang –peluang pekerjaan
- iii. Pengangguran berstruktur- wujud kerana perubahan pola atau struktur ekonomi.

Langkah kerajaan dalam belanjawan defisit

- a. Mengurangkan kadar cukai
 - Contoh: penurunan cukai pendapatan individu
 - Meningkatkan pendapatan boleh guna
 - Kuasa beli masyarakat meningkat
 - Permintaan barang dan perkhidmatan meningkat
 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi
 - Kadar pengangguran dikurangkan
- b. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - Contoh: pembinaan hospital, jalan raya
 - Pertumbuhan ekonomi berkembang
 - Peluang pekerjaan meningkat
 - Kadar pengangguran menurun

Skema (8-10M)

Maksud Dasar Belanjawan Defisit- belanjawan berlaku apabila jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.

Maksud Pengangguran-satu keadaan apabila terdapat tenaga buruh yang sanggup bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan

Jenis pengangguran

- i. Pengangguran kitaran-wujud kerana kekurangan permintaan agregat semasa kemelesetan ekonomi
- ii. Pengangguran geseran-wujud apabila pekerja kurang mobility, kurang maklumat tentang peluang –peluang pekerjaan
- iii. Pengangguran berstruktur- wujud kerana perubahan pola atau struktur ekonomi.

Langkah kerajaan dalam belanjawan defisit

- c. Mengurangkan kadar cukai
 - Contoh: penurunan cukai pendapatan individu
 - Meningkatkan pendapatan boleh guna
 - Kuasa beli masyarakat meningkat
 - Permintaan barang dan perkhidmatan meningkat
 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi
 - Kadar pengangguran dikurangkan
- d. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - Contoh: pembinaan hospital, jalan raya
 - Pertumbuhan ekonomi berkembang
 - Peluang pekerjaan meningkat
 - Kadar pengangguran menurun

Walaupun bagaimanapun.

- Bagi pengangguran jenis geseran keadaan ini kurang berkesan disebabkan sikap graduan yang terlalu memilih pekerjaan atau ada golongan belia yang menganggur tetapi kurang pengetahuan atau maklumat tentang peluang-peluang pekerjaan

Langkah Kerajaan

- Mengadakan program SLIM- tujuan untuk membolehkan lebih ramai graduan berpeluang ditawarkan pekerjaan kerana program ini melibatkan syarikat swasta dan syarikat GLC yang berkaitan kerajaan yang mana memberi fokus kepada graduan berpendapatan rendah dan tinggal di luar bandar